

26/06/2003

Perlis tawar tapak Pusat Pemikiran Dr Mahathir

Johari Ibrahim

KANGAR: Kerajaan negeri Perlis menawarkan tempat untuk menubuhkan Pusat Pemikiran Dr Mahathir yang dicadangkan pada Perhimpunan Agung Umno ke-54, minggu lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata kerajaan negeri sudah mengenal pasti tapak yang sesuai untuk pusat berkenaan di bandar ini tetapi enggan menyatakan lokasinya.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perlis berkata, kesediaan kerajaan negeri menawarkan tapak bagi pusat itu adalah sebagai menghargai jasa Perdana Menteri kepada agama, bangsa dan negara.

Shahidan sebelum ini mencadangkan pusat itu dikelolakan oleh Umno memandangkan Dr Mahathir adalah pemimpin tertinggi parti berkenaan lebih 20 tahun lalu.

Perdana Menteri menyatakan hasratnya untuk berundur daripada parti dan kerajaan pada Oktober ini dan menamakan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sebagai pengganti.

Shahidan berkata, Perlis juga bercadang mengembangkan seminar pemikiran

Dr Mahathir ke peringkat akar umbi selepas berjaya mengadakannya pada peringkat negeri 3 Jun lalu.

Malah, katanya, seminar sama akan diadakan di peringkat institusi pengajian tinggi dan sekolah bagi membolehkan pelajar menyelami dan menghayati pemikiran Perdana Menteri.

Katanya, pemikiran Dr Mahathir yang berpandangan jauh dan kritis perlu dihayati oleh generasi muda dan satu daripada caranya ialah dengan menganjurkan seminar dan perbincangan.